

Adakah Pengemis Di Kapal Haji?

Peristiwa Di Kapal Haji Yang Patut Diperhatikan.

(Oleh: Edrus)

Buat sementara rasanya bagi saya belum dapat menulis perkara-perkara yang mustahak di dalam pekerjaan seseorang menunaikan fardu haji dan menceritakan kisah perjalanan-perjalanan yang saya bersama-sama dengannya di dalam menunaikan fardu haji tahun ini.

Dengan pertolongan Allah, kapal haji yang ketiga yang saya tumpangi dari Jeddah telah sampai di Singapura pada hari Isnin 24 Julai 1961. Kapal haji ini berlepas dari Jeddah pada petang 8 hari bulan Julai 1961.

Pada mulanya adalah sekaliannya menjangka bahawa pelayaran kapal ini adalah akan menghadapi gelombang yang besar. Sangkaan-sangkaan semakin kuat sesudah kapal itu berlepas dari Aden¹. Perintah-perintah telah dikeluarkan kepada semua penumpang-penumpang menyuruh mengikat segala barang-barang mereka dengan kuat dan rapi, kerana takut akan menghadapi gelombang yang besar.

Tetapi sangkaan itu adalah berlainan kerana Alhamdulillah, pelayaran kapal ini hampir-hampir sama seperti masa pergi kapal yang keempat dahulu. Gelombang boleh dikata hampir tidak ada dan oleng kapal tidak seberapa. Demikianlah keadaannya sehingga sampai di Singapura. Begitulah pertolongan Tuhan bagi penumpang-penumpang di kapal yang ketiga itu.

* * *

Di dalam kapal haji ini ada dua orang pegawai agama - satu yang sememangnya gilirannya di kapal yang ketiga iaitu Tuan Haji Arifin dari Rembau Negeri Sembilan dan yang seorang lagi ialah Ustaz Daud bin Ali pegawai agama kapal haji yang keempat dari Singapura dahulu. Beliau sepatutnya mestilah belayar di dalam kapal haji yang keempat -

tidak di dalam kapal haji yang ketiga ini.

Dengan adanya dua pegawai agama di kapal itu maka pekerjaannya nampaknya terbahagi dua: Yang seorang menetapkan dirinya jadi imam sembahyang dan yang seorang lagi mengadakan syarahan-syarahan agama sambil menyusun rancangan-rancangan agama (syarahan) sama ada daripadanya sendiri atau pun daripada orang-orang di kapal itu yang difikirkannya munasabah. Rancangan mengadakan bacaan dan peraduan Qur'an juga diadakan. Ahli-ahli qasidah pun diminta memperdengarkan suaranya.

Banyaklah pembaca-pembaca al-Qur'an yang tampil, di antaranya ada yang baik bacaannya tetapi ada pula yang membaca lintang-pukang sehingga diminta berhenti membaca. Bukannya kerana tidak baik atau sumbang lagunya tetapi kerana barisnya pun tidak betul.

Demikian juga tentang qasidah - ada suara yang merdu dan baik lagunya tetapi ada pula yang sumbang sehingga sakit telinga mendengarnya bahkan ada pula orang yang berqasidah itu lagunya seakan-akan orang kenawit (Dayak) berlagu. Semuanya ini terpaksa didengar kerana ini semuanya dibaca dalam pelaung suara yang meliputi suaranya di seluruh kapal itu rupanya masing-masing hendak memperdengarkan suaranya sekalipun sumbang seperti suara kumbang.

* * *


Untuk menggalakkan peraduan Qur'an maka jawatankuasa kebajikan yang dilantik di kapal itu, yang diketuai oleh dua orang pula pegawai kebajikan daripada kapal yang ketiga dan keempat seperti juga keadaannya dengan pegawai agama,

¹ Sebuah bandar di pelabuhan Yaman

telah menetapkan supaya diadakan hadiah-hadiah bagi peserta-peserta peraduan membaca al-Qur'ān. Mereka hanya memungut derma untuk ini daripada ahli-ahli jawatankuasa sahaja - tidak kepada penumpang-penumpang di kapal itu, alasan yang diberi oleh mereka bahawa tidak patut dipungut kepada jemaah-jemaah haji yang pulang dari Mekah itu secara sukarela sebab mereka tentunya di dalam kekeringan. Mereka memungut derma sesama sendirinya adalah sebanyak \$38. Dengan pendapatan ini, khabarnya ditambah oleh seseorang lagi dua ringgit, jadi \$40. Dan dibahagikan kepada hadiah yang pertama \$20, yang kedua \$10, dan yang ketiga \$5 sedang yang \$5 dikhabarkan hendak dibahagikan \$2 kepada muazin (tukang bang) Zohor dan Maghrib dan \$3 kepada muazin yang berterahim dan azan pada tiap-tiap Subuh.

Orang di dalam kapal sudah tidak senang bahawa mereka sepulangnya dari Makkah dikatakan kekeringan dan telah jadi bangsat pada hal di kapal itu masih ada - yang mampu dan sanggup serta sedia berderma untuk sesuatu kebajikan. Desas-desus ini semakin kuat disuarakan.

Sebaliknya ada pula beberapa orang memandang pemberian kepada muazin Subuh yang dicadangkan sebanyak \$3 itu hanya sebagai suatu perkara yang boleh dipandang tidak patut. Golongan ini memandang bahawa kalau tidak dicadangkan untuk memberi hadiah tidaklah mengapa tetapi berhadiah 3 kepada seseorang yang ikhlas dan setiap pagi bangun lebih dahulu daripada orang lain lalu terahim selama lebih daripada



Suatu pemandangan ketika kapal haji "Kuala Lumpur" singgah di Port Swettenham.

setengah jam sebelum waktu Subuh, untuk memberi peluang orang-orang berjemaah sembahyang Subuh itu adalah tidak patut.

Kerana itu, dengan anjuran beberapa orang lalu mereka memungut derma di antara mereka sesama mereka, ditujukan sebagai menyapu bersih perbuatan yang tidak patut ini, pungutan didapati daripada orang-orang sebanyak \$52. Pungutan ini adalah sebagai satu tamparan kepada jawatankuasa kebajikan di kapal itu. Mereka tidak senang, lalu dikatakan beberapa orang bermesyuarat, cuba hendak “mengharamkan” pungutan sukarela di kapal itu kerana tidak lebih dahulu meminta persetujuan jawatankuasa kebajikan. Bahkan ada yang menolak supaya kelak hadiah itu jangan diterima di majlis menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang peraduan membaca al-Qur’ān yang bakal disampaikan oleh kapten kapal di hadapan suatu majlis yang diadakan. Tetapi jawatankuasa kebajikan khabarnya lalu mengambil keputusan akan menerima wang itu di majlis menyampaikan hadiah dan akan meminta menyampaikannya kepada kapten kapal kepada orang-orang yang berkenaan.

* * *

Apabila majlis menyampaikan hadiah diadakan maka wang untuk muazin Subuh itu pun disampaikan kepada pegawai kebajikan minta disampaikan kepada pengerusi majlis itu (Ustaz Daud bin Ali) tetapi beliau telah menolak dengan nyatanya menerima *envelop* berisi wang itu. Khabarnya ia mengatakan bahawa ini tidak ada dalam agenda. Kemudian dengan permintaan, dengan isyarat, *envelop* itu: Sampaikan kepada pegawai kanan Melayu di kapal itu. Sesudah menyampaikan hadiah-hadiah yang tertentu maka Ustaz Daud terus sahaja meminta pegawai agama yang seorang-seorang lagi menutup majlis dengan doa sedang pegawai Melayu di kapal itu tidak pun sempat lagi meminta wang itu disampaikan oleh pengerusi kepada kapten kapal supaya disampaikan kepada yang berkenaan.

Pada saat pegawai agama hendak membaca doa maka bangunlah seorang yang mengelola pungutan untuk muazin meminta kepada pegawai kanan Melayu di kapal itu, memohon kapten menyampaikan hadiah-hadiah itu di situ kepada muazin Subuh itu. Dengan itulah baharu kapten menyampaikan hadiah itu kepada muazin Subuh.

Esoknya, di dalam suatu majlis syarahan, suatu pertanyaan telah dikemukakan kepada pegawai agama (Ustaz Haji Daud) mengenai mengapa sebab-sebabnya maka derma tidak dipungut daripada orang ramai, sedang orang ramai masih berkemampuan dan sedia berderma. Mereka belum lagi jadi bangsat, seperti yang disangka itu. Ustaz Daud menerangkan

BUKU2 RUMI				
Penerbitan Qalam Yang Terbaru				
Kesan Kesusasteraan Tua Di-Tanah Ayer				
Oleh: Abdullah B. Hj. Musa (Lubis)	\$2.00
Cherita2 Sejarah I				
Oleh: Edrus	\$2.00
Teras Kebudayaan Nasional				
Oleh: Mahmud Ahmad			...	\$1.50
Balek Dari Medan Perjuangan				
Oleh: Ahmad Lutfi			...	\$1.20
Sisa Neraka Dunia				
Oleh: Ahmad Lutfi			...	\$1.20
Bangkai Bernyawa				
Oleh: Ahmad Lutfi			...	\$1.00
Tinjauan Sastera Tanah Ayer				
Oleh: Abd. Ghani bin Abbas			...	\$1.50
Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang				
Oleh: Abdullah Hj. Musa (Lubis)	\$2.00
Surat Menyurat (chitikan kedua)				
Oleh: Edrus	\$2.00
Pesan Kapada:				
QALAM				
356/8, GEYLANG ROAD,				
SINGAPURA 14.				

bahawa tidak ada sekali-kali tuduhan seperti itu dibuat bahkan

tujuannya hanya tidak mau memberatkan.

“Ramai adalah bersedia menerima derma-derma daripada tuan-tuan walau sekarang pun. Saya bersedia menerima derma-derma daripada tuan-tuan dan ini saku saya masih terbuka untuk derma daripada tuan-tuan” kata Ustaz Haji Daud.

Orang-orang yang mengerti mendengar ini hanya tersenyum dan maklum sebab kalau derma untuk orang lain nampaknya tidak perlu tetapi untuk sendiri sesaat perlu.

Orang-orang pun ada pula yang khabar memandang ini cara sebagai satu kaedah “Pengemis Moden” benar atau tidaknya

Wa Allāhu a’lam.

Di dalam masa pelayaran di kapal yang keempat waktu pergi

haji dahulu, sebagaimana telah tersiar di dalam majalah ini

pihak pegawai kapal “Kuala Lumpur” telah bersetuju dan

berjanji bahawa di kapal orang-orang yang berjual (orang Cina)

di sebelah belakang kapal itu tidak dibenarkan menjual makanan-makanan

yang dimasak mereka oleh mereka kerana tempat memasaknya bercampur

dengan periuk-periuk memasak babi. Tetapi pada 9 hari bulan

pagi di situ orang-orang cina ini didapati menjual

makanan-makanan itu.

Beberapa orang telah mengadakan bantahan. Natijah daripadanya

ialah pada sebelah petang hari itu *Staff Capten* turun

melihatnya lalu memerintahkan tempat jualan itu hendaklah ditutup



Ahli-ahli jawatankuasa madrasah as-Sa'adah al-Abadiyyah, Parit 7B, Permatang, Sungai Manik, Teluk

Anson Perak, bergambar ramai setelah mengadakan mesyuarat agung baharu-baharu ini.

Keterangan gambar: Duduk dari kiri: Ust. Adnan Haji Ahmad, Ust. Abdul al-Qadir, Tuan Haji Ejom Ketua kampung (Yang Dipertua), Tuan Haji Sulaiman (Ketua kampung), Tuan Haji Abdul Syakur – Naib Kadi Sungai Manik (Naib Yang Dipertua), Ustaz Abdul Mu'ti Othman (Setiausaha), Ustaz Ramli Haji Muhammad dan

Ustaz Abdul Hamid. (Kiriman Ikhwan: 663)

dengan serta-merta bahkan *Staff Capten* tidak lagi membenarkan mereka berjualan di situ sama ada menjual teh atau buah-buahan dan sebagainya.

Sebahagian orang menyambutnya dengan suka dan gemar tetapi ada pula orang-orang yang menjadi anggota jawatankuasa kebajikan di kapal itu tidak suka dengan langkah itu kerana kata mereka susah orang hendak minum teh dan seumpamanya. Dengan itu mereka meminta pula supaya orang-orang Cina itu dibenarkan menjual teh dan barang-barang yang tidak dimasak. Dengan itu terjuallah pula di sana barang yang tersebut. Dengan ini bermakna pula syor itu menyerahkan orang-orang kita kepada hal-hal yang lain.

Di kapal itu ada membuka kantin kapal yang menjual barang-barang mengikut harga yang ditentukan. Kantin itu dibuka lebih kurang sejam sebelah pagi dan sejam di sebelah petang. Di sana dijual beberapa jenis barang-barang tin dengan harga yang berpatutan. Barang-barang seperti *orange* sebotol dijual hanya 15 sen sahaja tetapi barang yang serupa itu dijual pula di luar oleh orang-orang Cina yang terjual di situ dengan harga 40 sen sebotol (isinya).

Ini salah satu contoh daripadanya. Ada barang lain yang harganya berlipat-lipat ganda. Jelasnya jika kantin di luar menjual barang-barang berlipat-lipat ganda harganya bermakna mendedahkan orang-orang haji kepada harga yang tidak berpatutan. Kerana itu banyak fikiran-fikiran timbul supaya kantin di kapal (rasmi) dibuka lebih luas dan barangan-barangan diletakkan (jenisnya dibanyakkan) supaya orang-orang haji terlepas daripada kena perah oleh kelasi-kelasi kapal yang membuka kantin di kapal itu. Orang ramai berharap supaya hal ini mendapat perhatian mereka-mereka yang berkenaan.

Seperkara lagi yang tidak dapat dielak daripada disebutkan di sini ialah tentang air di kapal. Sesudah

kapal berlepas dari Aden, di dalam beberapa hari lamanya, orang-orang di kapal berasa tidak puas hati sebab mereka terpaksa meminum air Aden yang berasa payau itu. Sebab inilah banyak mereka meminum air *orange* dan *lemonade* sahaja. Sehingga pelayaran sampai di Laut Ceylon baharulah mereka mendapat air yang baik. Banyak orang berharap semoga pihak kapal dapat mencari jalan supaya kemudian hari jangan lagi mereka meminum air-air yang payau rasanya.

Tafsir al-Qur'an

Alim ulama dan ahli-ahli agama kita semenjak dahulu lagi telah berusaha menyusun kitab-kitab tafsir Qur'an dengan tujuan supaya kitab Allah yang menjadi asas agama Islam dan panduan hidup bagi umat Islam itu difahamkan kandungannya supaya mudah diturut dan diamalkan pengajarannya.

Dengan tujuan yang mulia ini, Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad, guru Madrasah Aljuneid al-Islamiah, Singapura telah menyusun sebuah tafsir yang luas huraianya dengan cara yang menarik.

Penggal pertama telah pun diterbitkan dan sekarang terbit pula penggal yang kedua dalam bentuk yang indah dan tebalnya 200 muka lebih. Berharga \$2.50 sepenggal.

Penggal yang kedua ini masih menghuraikan surah al-Baqarah, iaitu kumpulan ceramah tafsir yang pernah disembarkan menerusi radio Singapura.

Atas hadiahnya yang berharga ini diucapkan berbilang-banyak terima kasih.